

Samy Vellu bidas kontraktor F Bumiputera

IPOH, Isnin — Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu, hari ini membidas sikap setengah-setengah kontraktor Bumiputera yang hanya berpuas hati berada dalam kelas F tanpa berhasrat membaiki kedudukan mereka walaupun berpeluang berbuat demikian.

Katanya, sikap ini tidak memberi apa-apa keuntungan kepada kontraktor-kontraktor itu, sebaliknya hanya akan menghalang kaum Bumiputera meningkatkan diri dalam industri pembinaan.

Datuk Samy berkata Kementeriannya bimbang dengan sikap kontraktor ini kerana ia menunjukkan kaum Bumiputera telah berpuas hati melakukan kerja secara kecil-kecilan.

Menurutnya, kontraktor Bumiputera kelas F hanya ditawarkan tender tidak lebih dari \$70,000 diberi secara undi.

Katanya, seseorang kontraktor dalam kelas F tidak memperolehi banyak untung, cuma cukup untuk menampung keperluan hidup.

Bellau berkata demikian di majlis dialog dengan kontraktor-kontraktor binaan Bumiputera di sini pagi ini.

Katanya, sehingga kini 20 peratus dari 7,500 kontraktor Bumiputera kelas F yang sepatutnya membuat permohonan untuk ditingkatkan ke kelas atas tidak berbuat demikian.

Kementeriannya berhasrat melihat lebih ramai kontraktor Bumiputera berani menyahut cabaran.

Mengawasi

Oleh itu, ujarnya, mereka yang masih dalam kelas F lebih dari tiga tahun tidak akan diberi peluang lagi untuk mencahut undi tetapi perlu mencari kerja dengan sebut harga.

Menjawab satu pertanyaan, menteri itu berkata beliau telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak melantik seorang pegawai bagi mengawasi pendaftaran kontraktor Bumiputera kerana ada aduan mengenai kelambatan proses pendaftaran.

Kementeriannya juga akan mencetak risalah mengenai syarat-syarat yang diperlukan untuk kontraktor Bumiputera membuat pendaftaran.